


SEKOLAH-SEKOLAH KOMPUTER BAGI KEMUDAHAN PELBAGAI URUSAN



PERKHIDMATAN 'cyberspace', internet dan superhighway' merupakan rangkaian perkhidmatan komputer yang dianggap canggih dan berteknologi tinggi bagi menghadapi kemajuan elektronik yang semakin mencabar. Ke arah itu, sekolah-sekolah komputer telah ditubuhkan di serata dunia hingga ke peringkat universiti dalam eranya untuk mendalami pembelajaran komputer yang berbagai urusan.

Penubuhan sekolah-sekolah ini tidak terkecuali diwujudkan di negara ini. Di mana mengikut perangkaan kawasan Daerah Brunei dan Muara telah mencatatkan yang terbanyak kemudian diikuti oleh Belait dan Tutong. Sekolah-sekolah yang dimaksudkan ialah sekolah-sekolah komputer swasta dan pada beberapa tahun yang lalu, kerajaan melalui Kementerian Pendidikan telah menubuhkan sekolah-sekolah komputer di beberapa buah sekolah

menengah dan institusi pendidikan tinggi.

Perkara ini amat jelas dengan ucapan Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz untuk memperkenalkan pelajaran komputer di sekolah-sekolah rendah mulai awal tahun 1996 ini.

Yang Berhormat berucap ketika merasmikan Minggu Sains dan Teknologi Ke-18, Ogos tahun lalu.

Menurutnya, projek

OLEH
ABDULLAH ASGAR

lima tahun tersebut akan dimulakan awal tahun 1996 ini di kesemua 121 sekolah-sekolah rendah dengan bekalan komputer dan peralatan yang lain.

"Dengan mempromosikan pelajaran ini diharapkan penuntut-penuntut akan memperoleh faedah dalam bidang pengiraan dan pembacaan," jelas Yang Berhormat lagi.

Sementara itu, dalam tinjauan PELITA BRUNEI di salah sebuah sekolah komputer swasta (Micro-net Computer School) bertempat di Gadong baru-baru ini mendapati, bahawa sekolah komputer tersebut antara yang diiktiraf oleh Kementerian Pendidikan dan terbaik di negara ini.

Apa yang menarik sekolah ini juga menyediakan kursus National Centre For Information Technology

(NCC Diploma) dari University Of Cambridge, United Kingdom. Kursus ini dijalankan selama setahun mula diperkenalkan dalam tahun 1993 dengan anggaran perbelanjaan \$6,000 Brunei setahun. Ini termasuk alat pembelajaran, bilik rujukan dan perkhidmatan kaunseling.

Sekolah yang bermula pada tahun 1989 sebagai sebuah sekolah subsidi

SEKOLAH-SEKOLAH KOMPUTER BAGI KEMUDAHAN PELBAGAI URUSAN

Dari muka I

kepada syarikat penjual komputer dan kini telah mengeluarkan lebih 1,000 orang lulusan dalam diploma dan personal computer (PC) sejak 1993. Ada di kalangan mereka kini melanjutkan pelajaran ke luar negeri. Bagi ke peringkat yang lebih tinggi seperti ke United Kingdom, Australia, Kanada, Amerika Syarikat, Republik Singapura dan Malaysia.

Sementara itu bagi 'PC course' atau kursus komputer persendirian. Ia selalunya disertai oleh pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan, kakitangan agensi kewangan, kakitangan RBA, kakitangan Brunei Shell dan syarikat-syarikat swasta dan lepasan sekolah yang kebanyakannya dari lepasan 'O' Level dan juga lepasan Sijil Rendah Pelajaran Brunei (BJCE) dan ada juga yang lebih rendah lagi.

Bagi pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan kebanyakannya mereka memasuki kelas 'PC'. Kursus yang mereka jalani selalunya hanyalah setakat sijil yang diiktiraf, hanya

segelintir yang meneruskan hingga peringkat diploma, itu pun tertakluk kepada kemampuan. Tapi ada juga di kalangan mereka yang melanjutkan pengajian hingga ke peringkat ke luar negeri.

Kursus PC selalunya dalam tiga atau empat jam sehari. Dan tamat dalam masa lima atau enam bulan saja. Mereka dikenakan bayaran sama rata sementara pembayaran akan dibuat oleh pihak jabatan yang menghantar pegawainya berkursus di sana.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah banyak menghantar pegawai-pegawai dan kakitangannya untuk mengikuti kursus tersebut. Diikuti dengan kementerian-kementerian dan jabatan kerajaan yang lain.

Selalunya bayaran akan dikenakan \$350 hingga \$600 satu kursus. Ini sama ada mereka ini menggunakan kemudahan mereka sendiri atau kemudahan pembelajaran yang disediakan oleh pihak kelas.

Bagi bayaran lain seperti kursus perseorangan dan kumpulan akan dikenakan dengan biaya cara lain. Selalunya peserta yang



SALAH sebuah sekolah komputer bertempat di Gadong telah diiktiraf oleh Kementerian Pendidikan sebagai sebuah sekolah komputer yang terbaik di negara ini.



mengambil kursus secara berkumpulan akan dikenakan bayaran yang agak murah sedikit jika diban-

dingkan dengan bayaran perseorangan.

Kebanyakan kursus yang mereka ikuti ialah 'computer literacy, word-processing dan spreadsheet' serta kursus yang dikehendaki oleh pihak kementerian atau jabatan.

Setelah kursus ini sekian lama beroperasi maka, sejauh ini kursus PC telah mencatatkan lebih 1,000 peserta kesemuanya lulus dengan menerima sijil.

Sementara itu, tenaga pengajar pula diisikan oleh ahli-ahli komputer dari luar negeri seperti dari Republik Filipina, Malaysia dan Republik Singapura. Setakat ini pihak Micronet telah gagal untuk mendapatkan tenaga pe-

ngajar terdiri dari anak tempatan. Tetapi perunding kursus (consultant clerk), kerani perakaunan dan kerani pejabat adalah terdiri dari anak tempatan.

Tahun lalu pihak Micronet telah mencatatkan 65 peratus lulus dalam peperiksaan NCC Diploma. Pencapaian ini ialah yang tertinggi yang pernah dicapai sejauh ini.

Sebagai sebuah sekolah swasta dalam bidang komputer, cabaran, saingan permasalahan juga sering dihadapi. Akan tetapi permasalahan tidaklah terlalu menekan. Apa yang pihak Micronet hadapi sekarang ialah saingan dari pihak lain yang sama-sama mengunggulkan sekolah kursus komputer.

Buat masa ini persaingan itu dihadapi dengan memperbaiki lagi kemudahan yang disediakan. Ia dengan menyediakan alat pembelajaran yang lebih canggih, bilik kursus yang lebih selesa, bilik sembahyang bagi mereka yang beragama Islam, bilik rujukan yang lebih besar yang boleh memuatkan rujukan yang mencukupi.

Dalam pengajian yang terkini, pihak sekolah juga akan memulakan kelas-kelas Internet dan BruNet yang telah diperkenalkan oleh pihak kerajaan seawat-lewatnya bulan Mac ini. Ini adalah bagi menarik lebih banyak minat dari kalangan orang ramai yang ingin mempelajari khidmat ini.



SEBAGIAN daripada pelajar yang menghadiri kelas komputer di salah sebuah sekolah komputer swasta.

Sastera dan Budaya

سستردان بودايا

Sambung minggu lepas

JURAI KETURUNAN RAJA-RAJA

TEKS A bermula dengan salasilah raja-raja yang memerintah Brunei yang bermula dengan Sultan Muhammad dan Sultan Ahmad membawa hingga kepada Sultan Muhammad Tajuddin, beberapa generasi kemudian. Teks B menerangkan bahawa nama Sultan Muhammad sebelum memeluk agama Islam ialah Awang Khalak Betatar.

Suatu lagi perbezaan yang terdapat di antara Teks A dan B ialah Teks A menyatakan Sultan Muhammad dan Sultan Ahmad ialah bersaudara. Teks B menyebut bahawa Sultan Ahmad (atau Ong Sum Peng) ialah menteri yang datang dari negeri China dan berkahwin dengan puteri Sultan Muhammad. Ia kemudian dilantik menjadi Sultan Brunei yang kedua.

Di samping apa yang disebut dalam kedua-dua manuskrip Salasilah Raja-Raja Brunei, satu batu nisan lama di Brunei yang dikenali sebagai Makam Damit memuatkan maklumat pada inskripsinya bahawa Sultan Ahmad adalah saudara tua atau kekanda Sultan Muhammad yang mengahwini anak Ong Sum Peng yang menjadi pemimpin orang-orang China di Kinabatangan (Hallet 1940 : 26). Kekeliruan maklumat tentang hal ini sukar diselesaikan tanpa penyelidikan yang lebih mendalam dan menyeluruh.

Untuk meringkaskan jurai keturunan Sultan yang dikemukakan dalam Salasilah Raja-Raja Brunei, Teks A, inilah disenaraikan nama-namanya :

Sultan I Paduka Seri Sultan Muhammad

Sultan II Sultan Ahmad
Sultan III Sultan Syarif Ali (Sultan Berkat)

Sultan IV Sultan Sulaiman
Sultan V Sultan Bulkiya (Nakhoda Ragam)

Sultan VI Sultan Abdul Kahar (Marhum Keramat)
Sultan VII Sultan Saiful Rijal

Sultan VIII Sultan Syah Brunei
Sultan IX Sultan Hassan (Marhum Di Tanjung [dimakamkan di Tanjung Chendana])

Sultan X Sultan Abdul Jalilul Akbar (Marhum Tuha)

Sultan XI Sultan Abdul Jalilul Jabbar (Marhum Tengah)

Di sini Salasilah Raja-Raja Brunei Teks A menyatakan bahawa Sultan Abdul Jalilul Jabbar mempunyai putera bernama Pengiran Bendahara Untung-Untung yang beranakkan Pengiran Temenggung Mukmin Amirul Faz' (Teks B : Pengiran Temenggung Mukmin Amirul Ghafar). Kemudian saudaranya, Marhum Tuha, dinaikkan menjadi sultan dengan gelaran Paduka Seri Sultan Muhammad Ali.

Sultan XII Sultan Muhammad Ali (Marhum Tumbang Di Rumput)

Sultan XIII Sultan Muhiuddin (Marhum Bongsu)

Sultan XIV Sultan Nasrudin (anak saudara Sultan Muhiuddin)

Sultan XV Sultan Kamaluddin (putera Sultan Muhammad Ali [ke-12])

Sultan XVI Sultan Muhammad Alauddin

Sultan XVII Sultan Omar Ali Saifuddin

Sultan XVIII Sultan Muhammad Tajuddin

Sultan XIX Sultan Muhammad Jamalul Alam

Sultan XX Sultan Muhammad Tajuddin (ke-18)

Salasilah ini menyatakan bahawa "Setelah wafat baginda itu [Sultan Muhammad Jamalul Alam], maka kemudian kembali pula kerajaannya kepada ayahanda baginda iaitu Paduka Seri Sultan Muhammad Tajuddin". Bahagian ini dikatakan tamat ditulis pada 2 Zulhijah 1221 (bersamaan 1806 Masihi).

Jurai keturunan raja-raja yang memerintah Brunei dalam Teks B sama dengan Teks A hingga sampai ke raja yang ke-13. Selepas itu terdapat sedikit perbezaan. Teks B menyatakan selepas Sultan Muhiuddin yang bergelar Pengiran Bendahara Bongsu, raja yang ke-13, Sultan Abdul Mubin pula menaiki takhta kerajaan sebagai sultan ke-14, tanpa dinobatkan dan tanpa memakai mahkota. Putera raja inilah (sebelum menjadi sultan bergelar Pengiran Bendahara Abdul Hak) yang dibunuh oleh anak Sultan Muhammad Ali, sultan ke-12 (Marhum Tumbang Di-Rumput) (Amin Sweeney 1978 : 57-58). Kisah kejadian ini tidak ditemui dalam Teks A.

Jika dibandingkan Teks A dengan Teks B, Teks B lebih banyak menumpukan perhatian kepada beberapa peristiwa tertentu dengan terperinci sedangkan Teks A lebih ringkas. Teks B menceritakan kisah perhubungan awal antara Brunei dengan Majapahit dan Johor.

Kedua-dua Teks A dan B menceritakan bahawa Sultan Sulaiman, Sultan ke-4, telah meluaskan Kerajaan Brunei hingga termasuk Suluk dan Seludong [B : Seluang]. Jika saya tidak khilaf, hanya Teks B yang menceritakan bagaimana Sultan Muhammad Ali (Sultan ke-12), mendapat gelaran Marhum Tumbang DiRumput. Secara keseluruhannya penceritaan dalam Teks B lebih panjang dan terperinci serta mengandungi dialog-dialog yang menarik,

SALASILAH RAJA-RAJA BRUNEI SUATU PENELITIAN PERSEJARAHAN

MUKADIMAH

SECARA amnya, penulisan-penulisan sejarah tradisional dikarang dengan berdasarkan peristiwa-peristiwa yang benar-benar berlaku di sesuatu tempat atau di sebelah negeri dan pada masa-masa tertentu. Jangkauan masa yang diliputi dalam karya-karya historiografi jenis pertama tidak terhad. Pengarang sering bergerak jauh ke belakang dalam sejarah hingga ke masa yang sangat jauh daripada ingatannya yang menyebabkan ia terpaksa bergantung kepada bukti mitos dan legenda.

Demikian pendapat yang diutarakan oleh Profesor Dr. Siti Hawa Haji Mohd. Salleh di Seminar Sejarah Brunei anjuran Pusat Sejarah dari 25 hingga 28 Ogos, 1995. — PENYUNTING.

yang meninggikan lagi mutu penulisan sejarah ini.

Teks B juga menceritakan bahawa dalam masa pemerintahan sultan ke-6lah, Sultan Abdul Kahar (Marhum Keramat), Brunei telah diserang oleh angkatan Sepanyol yang berpusat di Manila. Dalam pertempuran ini, Sultan Abdul Kahar mengalami kekalahan kerana diperdayakan oleh pebesarnya sendiri, yang membelot, iaitu Pengiran Seri Lela (Sweeney 1978 : 54).

Angkatan Sepanyol yang menyerang Brunei sekali pada masa ini memaksa Sultan Saiful Rijal (Sultan ke-7) berundur ke dalam hutan sementara Bendahara Sakam dan seribu pahlawan Brunei bertempur hingga berjaya mengalahkan angkatan Sepanyol. Pembedar-pembedar yang membelot dan menderhaka seperti Pengiran Seri Lela dan Pengiran Seri Ratna melarikan diri ke Belait tetapi dapat ditangkap dan menjalani hukuman masing-masing (Hallet 1940 : 30). Teks B melaporkan kisah ini dengan terperinci (Amin Sweeney 1978 : 55).

Semasa hayatnya, Sultan Hassan (Sultan ke-9) terkenal sebagai seorang sultan yang sangat keras pemerintahannya. Baginda merupakan seorang raja yang gagah dan berani hingga baginda dianggap setaraf dan setanding dengan Sultan Iskandar Mahkota Alam, Aceh (Sweeney 1978 : 56). Baginda dimakamkan di Tanjung Chendana, di Kuala Brunei dan kerana itu baginda dikenali sebagai 'Marhum Di Tanjung'.

Rujukan silang yang dibuat dengan Sejarah Pahang yang dikarang oleh Buyong Adil menunjukkan bahawa Sultan Hassan berkahwin dengan puteri Sultan Pahang dan baginda mangkat pada tahun 1617 (Buyong Adil 1972 : 56). Sultan Hassan telah memperkuat kuasa pemer-

tahannya dengan membina suatu angkatan tentera yang kuat dan berjaya menguasai negeri Bajau dan Betara Suluk. Baginda mempunyai peralatan perang dan pertahanan yang cukup untuk menjaga negerinya.

Pemerintahan Sultan Muhammad Ali, Sultan Brunei yang ke-12, ditandai oleh keadaan yang tidak aman. Kekecohan berlaku apabila Pengiran Bongsu, putera Sultan Muhammad Ali membunuh anak Pengiran Bendahara Abdul Hak. Pengiran Bongsu sempat melarikan dirinya daripada dijatuhi hukuman bunuh dengan melarikan diri ke dalam hutan. Ini membuatkan Pengiran Bendahara sangat marah dan mengemukakan hingga membunuh Sultan Muhammad Ali yang ditemuinya di tengah-tengah padang. Peristiwa ini menyebabkan Sultan Muhammad Ali digelar 'Marhum Tumbang Di Rumput'.

Kemangkatan Sultan Muhammad Ali menimbulkan masalah di Brunei kerana kini negeri menjadi terbelah dua dan diperintah oleh dua orang sultan. Negeri di sebelah hulu diperintah oleh Sultan Muhiuddin ibnu Al-Marhum Sultan Muhammad Ali sementara negeri di sebelah Saba dan Pulau Chermin di bawah pemerintahan Sultan Abdul Mubin (Bendahara Abdul Hak). Kedua-dua pihak sentiasa berperang hingga akhirnya Sultan Brunei yang ke-13, Sultan Abdul Mubin, yang menaiki takhta tanpa dinobatkan, terbunuh. Dengan sendirinya, Sultan Muhiuddin menjadi Sultan Brunei yang ke-14 tetapi kekecohan terus berlaku kerana ada pihak yang tidak puas hati.

Kehadiran Raja Tengah, putera Sultan Abdul Jalilul Akbar, di Brunei tidak disengangi oleh Sultan Muhiuddin dan terpaksa Raja Tengah mengundurkan dirinya bersama-sama para pengiringnya

ke Sarawak. Selepas berada di Sarawak beberapa lama, Raja Tengah berangkat pula ke Johor mengadap Maharaja Johor, Sultan Abdul Jalil. Raja Tengah berangkat pulang ke Brunei dan ditabalkan sebagai Sultan Brunei yang ke-15 oleh Paduka Seri Sultan Nasrudin. Semasa dalam pelayaran itu, Raja Tengah telah singgah di Matan dan di Sambah. Di kedua-dua negeri, baginda telah berkahwin dengan puteri-puteri tempatan. Puteranya yang dilahirkan di Matan diberi nama Pengiran Mangkunegara dan putera yang dilahirkan di Sambah bergelar Raden Bilam. Putera-putera ini kemudian dipanggil ke Brunei dan dianugerahkan kedudukan yang sewajarnya.

Sultan Brunei yang ke-16 ialah Sultan Kamaluddin bergelar 'Marhum Di Loba' diikuti oleh Sultan Alauddin sebagai sultan yang ke-17. Pemerintah yang ke-18 ialah Sultan Omar Ali Saifuddin (Marhum Di Makam Besar) yang digantikan oleh Sultan Muhammad Tajuddin sebagai pemerintah Brunei yang ke-19.

Di dalam sejarah awal negara Brunei, iaitu sebelum zaman moden, zaman pemerintahan Sultan Muhammad Tajuddin tercatat sebagai zaman yang paling penting. Baginda telah berusaha mencantumkan kembali wilayah-wilayah yang dahulunya di bawah Brunei tetapi seolah-olah tidak dipedulikan untuk beberapa lama, dengan menghidupkan kembali perhubungan yang erat. Angkatan-angkatan utusan diraja dari Brunei malah dihantar ke negeri China dan ke Tanah Jawa. Dipercayai pada zaman bagindalah kapal Eropah telah mudik hingga ke bandar (Hallet 1940 : 35).

Sultan Muhammad Tajuddin mangkat pada tahun 1807 dan digantikan oleh puteranya, Sultan Jamilul Alam, sultan yang ke-20. Sultan ke-21 ialah Sultan Muhammad Kanzul Alam, diikuti oleh Sultan Muhammad Alam sebagai sultan yang ke-22 dan Sultan Omar Ali Saifuddin II sebagai sultan yang ke-23. Dalam masa pemerintahan Sultan Omar Ali Saifuddin II, James Brooke tiba di Kuching iaitu pada tahun 1839 dan pada tahun 1841, Sarawak pun terpisah dari Brunei.

Sultan Brunei yang ke-24, Sultan Abdul Mukmin, menaiki takhta pada tahun 1852 dan mangkat pada tahun 1855 dan digantikan oleh Sultan Hashim. Sultan Hashim, sultan yang ke-25, mangkat pada tahun 1906 dan digantikan oleh puteranya, Sultan Mu-

hammad Jamalul Alam, sultan yang ke-26, yang memerintah hingga ke tahun 1924. Teraju pemerintahan telah dipungku oleh Pengiran Bendahara dan Pengiran Pemanca sehingga tahun 1931 apabila Sultan Ahmad Tajuddin Akadzul Khairuwaddin ditabalkan menjadi sultan yang ke-27.

Teks B memberi susunan keturunan keluarga sultan-sultan ini dengan teratur di akhir salasilah tersebut hingga kepada sultan yang ke-27 iaitu Sultan Ahmad Tajuddin Akadzul Khairuwaddin.

Struktur Pentadbiran : Pembedar dan Jawatan

Struktur susun lapis masyarakat dalam masyarakat Melayu tradisional ialah berpuncak kepada raja. Raja dibantu oleh golongan pembedar yang mungkin terdiri daripada keluarga diraja sendiri dan ahli-ahli lain yang dapat digolongkan sebagai golongan bangsawan. Di bawah golongan bangsawan barulah terdapat golongan rakyat. Rajah piramid yang dicadangkan untuk menggambarkan susun lapis masyarakat lama ini menunjukkan bahawa walaupun raja hanya seorang, kuasa penuh terletak di tangannya dan ia dibantu oleh golongan bangsawan, yang juga lebih kecil jumlahnya daripada golongan rakyat, untuk mentadbir negeri.

Kuasa pada raja dan golongan bangsawan diperkuatkan pula dengan wujudnya perundangan, peraturan-peraturan dan adat istiadat yang mesti dipatuhi untuk melahirkan suatu masyarakat yang aman, makmur dan sejahtera. Salasilah Raja-Raja Brunei memperlihatkan bagaimana berkuasanya raja dalam menjaga ketenteraman negara hingga baginda bertindak dengan tegas mengatasi sesuatu masalah yang timbul terutama yang berkaitan dengan bibit-bibit pemberontakan dan kedherhakaan.

Setelah mengemukakan jurai keturunan raja-raja yang memerintah Brunei, kedua-dua Teks A dan B mengemukakan pula tentang pelbagai gelaran para pembedar seperti Bendahara, Temenggung, Syahbandar, Di Gadong, Pemanca dan lain-lain lagi. Kedua-dua Teks A dan B menerangkan tentang tugas setiap pembedar yang tanggungjawabnya secara umum ialah menjaga ketenteraman negeri dan bertanggungjawab kepada baginda sultan.

BERSAMBUNG

PULANG

PULANG! Begitulah keputusannya, ia tetap pergi juga sebelum petang membenam ke bumi barat, pada hari esoknya.

Eddi sudah penuh hati memutuskan untuk pulang saja ke Kampong Rangu, ia hidup untuk lebih sendiri. Ada suatu sebab Eddi ingin berpisah dari flat dua tingkat bangunan itu, ia ingin sendirian daripada berdiam diri lama-lama di flat rupanya orang lain dari dirinya. Kali ini siapa saja Eddi tidak suka mengusik kedamaian rumahtangga orang, sekalipun orang itu saudaranya paling dekat. Bairlah mereka akan damai semadi kerana ketiadaannya nanti.

Apakah kasih hormat orang kepada penumpang seperti nasib yang dialami oleh Eddi kini, walaupun di tempat kediaman anak kewanannya atau abangnya sekali. Orang hanya mengharapkan madunya, sepahnya dibuang ke lembah hina, orang hanya sanggup menyedut rasa kemanisan manusia, Eddi sudah mengerti ke mana arus hidupnya dibawa, ia tetap akan terapung-apung di laut samudera yang luas.

Eddi harus gulung tikar dan bantal, bersedia berkemas-kemas untuk membersihkan bekas kamarnya, Eddi tidak suka disebut-orang pengotor dan tidak tahu berkemas. Sangkaan ini di luar dari pendapat Eddi sendiri, ia ingin berpendapat sebelum orang lain memberikan pendapat begitu.

Esok tentulah Eddi tidak ada lagi dalam kamarnya yang seindah itu, perasaannya lebih jauh terhamban memikir hidup menyendiri. Flat itu baginya syurga persinggahan, kesenangan segala ada tapi angan-angan Eddi bukan yang diharapkan bagi memperbaiki hatinya bersuka, istilahnya sudah bertukar bentuk menjadi sebuah neraka. Nanti di suatu ketika kamar itu akan hancur berderai jadi abu, roh akan jadi alat kejahatan. malah, lebih jauh berangan dari memperbaiki corak kehidupan sendiri, walaupun pada mulanya kebaikan mereka di kamar itu; Manis dengan layanan memperlihatkan indah bersatu padu. Tetapi pada akhirnya mendapat ketara tanpa dapat disembunyikan dan jauh dari yang disangka sebelumnya.

Begitulah Eddi, tiada halangan baginya untuk terus berpisah dari kamar itu. Apa lagi Eddi kurang dipedulikan atau perhatian, bagi Eddi sudah terpencil dan ianya sebagai debu jauh dari harga manusia. Fikiran Eddi kacau, perhatian orang kepada Eddi bukan sebagai keluarga lagi,

kecewa hatinya untuk memperoleh hubungan itu, tanpa beramah mesra dan bermuka manis. Dalam kamar nombor sepuluh flat ibu kota tempatnya tinggal tiada ada lagi rasa sefahaman baginya, musuh dan seteru menakutkan dalam hatinya. Dalam kamar itu makin terlalu asing dan terasa orang lain dari keluarga mereka.

Pada paginya, masing-masing sudah dalam keadaan tenang di kala menghadapi sarapan pagi minum teh, yah pagi sekali!

"Asyaem! Seharusnya hari ini kita akan berpisah, aku akan kembali ke kampung tempat tumpah darahku dulu..." dengan nada yang penuh terharu, Eddi mengeluarkan kata-kata pada Asyeam. Asyeam tunduk seakan terpukul, menundukkan kepalanya pada alas meja berbunga ungu. Wajah Asyeam jelas berubah dengan tiba-tiba. Perkataan Eddi itu lebih mengusik hatinya, sungguh tidak disangkanya selama ini.

"Kenapa cepat sekali hendak berpisah dengan kami, baru dua bulan sudah mahu cabut pergi. Apakah salahnya engkau tinggal di sini Eddi..." Kata Asyeam, fikiran Eddi tidak tenang dibuat begitu, ingatannya hilang, bagai hilangnya roh sudah pergi dari jasad! Jauh dan jauh dari dirinya.

Eddi tidak minta belas kasihan pada siapa-siapa lagi, tiada suka ditahan hendak. Biarlah dirinya mengasihani sendirian lebih dekat. Kalau ucapan itu muncul dari mula pertama dulu, alangkah senang hati Eddi menerimanya dengan dada yang lapang dan ia tidak ragu-ragu masuk kamar bersebelahan dengan Asyeam. Walaupun ianya bertahun-tahun akan menetap di kamar itu, cuma perkataan yang mula-mula pernah didengarnya dari mulut Asyeam bukan dari hatinya:

"Aku tidak melarang kau tinggal di kamar itu, menyuruh pun tidak."

OLEH ADI MISERE

Kata Asyeam acuh tak acuh, sayangnya kemesraan itu tidak terdapat di sana, Eddi pun menyahut atas pelawaan itu dengan syukur. Ingatan Eddi masa lalu.

"Tidak, tidak Sem! Eddi terpaksa berpindah demi kebaikan keluarga kamu. Keluargaku paling sedikit daripada keluarga kamu, perkara sedikit inilah harus menyingkir pergi untuk mengurangkan kesibukan kamar. Kamar bekasku tinggal, bolehlah digunakan pada keluargamu yang lebih berhak, dapat menggunakannya pula." Kata Eddi menguatkan maksudnya.

Bilik tamu ternyata sepi sebentar, ingatan Asyeam tergamit oleh suatu kejadian. Semasa Eddi pulang dari kerja ukur, penat-penat dari menebang kayu, belukar, ruang rimba semak penuh berduri, sebenarnya Eddi sudah mahir dalam kerja sukat menyukat tanah orang.

Ketika pulang, Eddi terpaksa masak nasi sendiri, walaupun semua barang-barang makan sudah cukup tersedia di dapur. Namun keluarga Asyeam tidak mengendahkan, baik pun sayur dan sudah itu ikan sedia dibeli Eddi dari pasar dan juga perolehan Eddi dari hutan seperti umbut-umbutan nibung.

Masih terbiar begitu saja, tanpa disentuh-sentuh oleh Nani, isteri Asyeam yang sudah punya anak dua itu. Asyeam sebagai anak kemanakan bagi Eddi, fikir Eddi tentulah tiada akan berbelah bagi lagi. Makan sama makan sedap dan habis sama habis, kerana dicubit peha kiri, peha kanan akan turut terasa juga, entahlah apa punya nasib! Eddi mengeluh juga pada suatu ketika, mengenangkan keadaannya kini.

Betul, sangkaan itu di luar dari fikiran Eddi sendiri, satu dapur dua kamar tidak akan dapat dibagikan. Kerana kamar itu terlalu kecil dan tidak mengizinkan untuk dibagikan dua. Apakah salahnya kalau hanya sekadar memasak nasi sudah rasa bersyukur pada Eddi, lagipun Eddi sebagai membantu ringankan be-



banan keluarga.

Entahlah bagi Asyeam sudah perkara biasa buat begitu tiada suka tolong-menolong, kenapa yah, dunia belum kiamat? Barangkali sifat Nani ada juga sifat pada Asyeam tanpa belas kasihan dan memberi kesan kebaikan murni dalam satu keluarga, masa berfikir begitu, setelah lama berkhayal, tiba-tiba Asyeam berkata perlahan:

"Dii!! Di manakah kau akan tinggal?" Asyeam ingin tahu.

"Di mana-mana saja aku boleh hidup dan hidup harus tahan menerima ujian zaman." Potong Eddi dengan penuh rasa sayu, fikiran Eddi agak bertentangan dengan Asyeam, rasa tidak cocok lagi dalam otak, tapi Eddi kesal dengan empasinya tadi, kerana ia terlalu emosi. Kemudian terfikir, ucapan itu di perhalusi lagi.

"Mungkin aku akan menetap pada sebuah Kampong Rangu Ulu

dan di sana aku akan damai dalam sebuah rumah yang kosong, akulah bakal penghuni yang akan diam di situ..." Kata Eddi perlahan-lahan.

"Eddi, kesakah kau tinggal di sini?" Tanya Asyeam dengan fikiran kacau.

"Kenapa aku mesti menyesal, apakah kesalan itu orang lain dapat menimbangkannya dari hati nurani? Aku tidak kesal Asyeam, bahkan aku bisa hidup, yang kata orang lain rindukan perdamaian dan belas kasihan yang murni, tetapi lepaskanlah aku pergi dengan senang hatimu, aku merindukan kebebasan sendiri daripada menumpang di tempat keluarga dan jiran..." Katanya berseluruh.

Hati Eddi bukan di kamar itu lagi. Hatinya sudah berubah pada kampung kecintaannya dan rumah kosong itu. Walaupun Eddi mandi menggunakan air perigi, bersuluhkan sebatang dian menderip di pondoknya, namun hatinya tetap senang daripada di kamar punya ada paip air, tandas dan bilik mandi.

"Yeam! Aku orang bujang, isteri belum ada seperti kau, aku harus memburu bujangku sampai betul-betul benar memerlukan. Walaupun aku diucapkan tua bangka! Aku ingin bertemu dengan teman yang seiring hidupku, aku tidak mahu ganggu kau Asyeam. Kau punya anak dan isteri, bebanamu berat dari aku, biarlah kau hidup cemerlang di kota yang serba sibuk ini. Aku dan kau, sama-sama ada kepentingan, aku mementingkan bujanganku dan kau teruskan mementingkan anak-anak dan isterimu yang tersayang..." Kata-kata Eddi lebih kental dipertegas.

"Kalau Eddi buat keputusan begitu, bagiku tidak menghalang kau pergi. Tapi aku tidak menyuruh, melarang pun tidak. Kerana atas kemahuanmu sendiri untuk

pergi meninggalkan kamar ini, sekali-sekala datang-datanglah lagi ke flat ini." Sela Asyeam dengan bermuka rawan.

Kelemahan Asyeam cuma tidak dapat memperbaiki diri Eddi lagi, ia tidak boleh menarik hati Eddi tanpa menghalusi semua kekeliruan. Itulah punca jadi kesalhan bagi Eddi dan rasa tersinggungunya makin menebal di hatinya.

Eddi masih teringat barang-barang yang dibelinya dari kedai. Beras, gula dan barang makan lainnya, barangkali mereka tidak menyetujui itu, mungkin kerana Eddi sangka keluarga Asyeam membubuhkan racun agaknya. Tapi sangkaan mereka salah, berdos besar sikap menyangka begitu tanpa periksa, hati Eddi bersih, suci dan jernih hati.

Cara Asyeam menghalau Eddi keluar kamarnya adalah cara diam dan dengan tidak mempergunakan barang-barang Eddi, menghalau cara halus begini. Bagi Eddi adalah lebih kasar dan sinis.

"Yeam...! Kepergianku bukanlah mengurangkan keluargamu, keluargamu akan tambah ramai dan bebas masuk ke dalam kamar selepasku ini nanti. Ketiadaan seorang tidaklah akan merugikan bagi kamu, bahkan kamu berasa gembira menerima keputusanku ke kampung. Manakala kehadiranmu ke kamar ini dulu adalah ibarat ditimpa hujan dan ribut. Hati kamu tidak senang!" Eddi berkata perlahan.

Asyeam tidak dapat berkata-kata menahan sebabnya, kesal di mukanya terbayang, ia tidak berjaya membaikkan hati Eddi ke tahap kesungguhan. Eddi tetap seorang malang, malang kepuncak dan kembara membawa nasibnya dipukul kesepian oleh kesendirian-

DARI MUKA 4

nya tanpa teman yang mengasihani dan dikasihani.

Sebenarnya Eddi banyak teman, tetapi tidak semua yang dapat memberi contoh cinta abadi di sudut hatinya, entahlah kenapa hatinya begitu sepi. Kerana dunia sudah berubah corak dan bertukar menjadi dunia kebendaan dan keberkecenderungannya lebih mewah daripada benda itu.

Dalam ketika itu, Eddi terkenangkan kawan-kawannya, Salmah, Normah yang pernah menjadi ratu kecantikan baginya. Lumayati dan yang masih semarak di hati Eddi, Miss Rokiah, Rokiah masih terpendam dalam kenangan. Mereka ini tidak semuanya menjadi kepunyaannya yang kekal, semua teman gadisnya gugur seperti daun-daun berterbaran di musim bunga, begitulah seterusnya bunga-bunga mesti layu dan hilang dikering mentari, bunga-bunga ini tidak akan bercahaya lagi menerangi bintang hatinya.

Cuma yang masih ada dalam hatinya, gadis pujaannya : Rokiah. Bagaimana meneruskan hubungan yang masih lama terputus? Sedangkan semua hubungan sudah terputus, entah ke mana gerangan gadisku? Apakah gadis-gadis itu sudah tiada mengenangnya lagi? Biarkan mereka melupakan. Bisik Eddi menaruh kesal masa lampuannya.

"Nani! Hari ini Eddi akan pulang ke Kampong Rangu Ulu" Kata Asyeam kepada isteri.

"Yah, Nani ... aku akan kembali kepada tempat asalku." Eddi menerangkan dari arah kamar dengan bermuka sanyu kepada isteri Asyeam. Nani tunduk tanpa berkata sepeatah pun, cuma ia hanya tersenyum sedikit, membuatkan

hati Eddi jangan terus berkecil hati.

"Bang Yeam, nampaknya Eddi hendak pulang ke kampung juga ..." Kata Nani lagi kepada suami dengan selamba.

"Bukan aku yang suruh, dia sendiri ingin balik ke kampung." Kata Asyeam pada isterinya acuh tak acuh saja, setelah Eddi ditelan kamarnya bakal ditinggalkan itu. Suara itu jelas didengar oleh Eddi, walaupun ianya di dalam kesibukkan dan hendak bersedia berangkat pada hari itu, Eddi terus menyiapkan pakaiannya, beg dan kotak-kotak semuanya berisi kain baju, seluar, surat-khabar yang mungkin dapat menguntungkannya dan termasuk persuratannya, semasa Rokiah masih menyurati yang belum tentu berakhir itu, paling dekat dalam ingatannya. Di kampung nanti dapatlah Eddi bercucuk tanam sayur-sayur dan tidak lagi membeli sayur dari pasar setiap pagi.

Mungkin pada Asyeam akan bebas dalam dada yang terbuka menerima kepulangan Eddi ke kampung. Seakan berkata-kata Asyeam.

"Hilang keluarga tidakkan apa-apa, asalkan kita damai di kota ini ..." Kata Asyeam terhadap isterinya yang dicintainya.

Eddi dengan ikhlas terpaksa menghubungkan kawan baiknya. Jiran yang bersebelahan dengan Asyeam, namanya Adiana, sebenarnya Adiana tidak jauh kedudukannya sama keluarga Asyeam, sebab senasib untung dapat hidup di sebuah flat. Apa lagi Eddi masih terlalu dekat, dari semenjak kecil Eddi memang kenal benar dengan Adiana yang pemurah hati :

"Adi!!!" Kata suara dari luar bersama ketukan menekan keras pada daun pintu, ketukan itu sering dapat diterima hingga berulang-ulang, lama tidak ada jawapan. Kerana gerangan Adiana pagi-pagi

begini, mungkin ia ada di dalam menunggu orang bakal masuk, atau belum mendengar bunyi ketukan! Bisik hati Eddi tanpa menguatkan perasaannya. Tiba-tiba pintu itu pun menguak dibuka dari dalam. Wah, Adiana tersenyum. Tetapi dengan serta-merta Adiana sudah dapat menduga, tentulah Eddi memerlukan suatu pertolongan bantuan, kerana Eddi dengan cemas-cemas menemuinya.

"Ada apa dong?" Kata Adiana sambil bergurau.

"Banyak adanya, tapi pada kau, mungkin tidak menolak atas satu permintaanku yang besar ertinya ini ..." Agak malu-malu Eddi melahirkannya perkataan serupa itu, sebagai ada yang telah tersembunyi di hatinya.

"Kenapa, apa yang telah terjadi padamu, nampak buru-buru saja, apa hal...!?" Desak Adiana ingin mengetahui.

"Tidak! Tapi kau harus tolong, bereskan hari ini juga!"

"Apa yang hendak dibereskan? Saya tidak mengerti apa yang kau katakan itu." Eddi tunduk dan Adiana merenung tepat ke muka Eddi serius.

"Usia aku tinggal tidak akan lama di atas flat ini Adi dan kau tentu akan lebih maklum. bagaimana kedudukanku sekarang, bukan kedudukan sebagai seorang seniman. Yang kau anggap sunyi tenteram, kedudukanku gelisah, aku harus kembali ke kampung tempat asalku dahulu...!" Kata Eddi cuba berterus terang mengeluarkan pernyataannya, Adiana memikirkan, ada rasa tidak sedap, tidak sesuai di hati Eddi melihatnya. Bergaduh atau hatinya sudah bertentangan sama Asyeam sekamarnya! Dua Adiana dengan hati risau.

"Maksudmu Eddi, apa?" Dahi Adiana berkedut-kedut memikir ke depan dan matanya memandang ke

wajah Eddi yang masih ternyata diburu ketakutan itu dalam keadaan sibuk itu.

"Maksudku yang besar. Aku ingin pulang ke kampung dan flat penginapan sekongsi dengan Asyeam akan kulupakan. Aku, aku rindukan kampung, aku rindu dengan pokok rambutanku dan aku merindui kehijauan tumbuhan sekeliling rumah bakal yang hendak aku isikan semula di dalamnya nanti, walaupun namanya cuma gubuk atau teratak, di sana ada kedamaian, di sana masih alam semula jadi dan di sana ada burung-burung setia dengan irama merdu mereka. Kali ini aku ingin pertolongnamu Adi berserta ikhlas hatimu, hantarkanlah aku dengan keretamu yang baru itu...! Boleh?" Kata Eddi dengan perasaan sayu, ia terangkan apa maksudnya, dia tahu.

Jika Eddi minta sesuatu Aditolongkan, jangan disia-siakan, Adi mengerti perangai Eddi masih tidak berubah. Cara begini adalah pernyataan yang dikehendaki, jujur segala bidang. Maksud lain Adi tidak lebih mengetahuinya.

"Kalau itu hanya yang kau maksudkan, katakan sahajalah berterusterang. Bagi saya tidak keberatan dan saya senang dengan sikap berterusteranganmu itu, kerana trusterterang saja sifat-sifat manusia yang paling jujur, jujur tiada bererti jika kebenaran telah tiada..." Kata Adiana pada kawan akrabnya itu.

Eddi tunduk, malu-malu. Nampak air matanya mengalir menurun ke bawah pipi. Air mata pernyataan derita! Adiana menduga tentulah ada selisih dengan keluarga Asyeam, maklumlah hati Eddi cepat terhisir dan mudah tersayat, nasib penumpang tidak lari dari fitnah dan perkara lain-lain yang termasuk dengannya. Tidak usah digali sedalamnya tentang diri Eddi soal itu, setentunya manusia lain tidak akan

mengenal akan penderitaan Eddi secara dekat, bagi Eddi manusia jiran hanya tahu pemerasan dan penghisab keringatnya, kadangkadangkang juga boleh jadi perompak!

Adiana tidak hantar pagi, pagi sudah habis tanpa waktu. Petang itu angin malas bertiup, bilik Asyeam ternyata sibuk, apabila barang-barang Eddi mula diturunkan ke bawah bangunan dua tingkat itu. Di bawah, barang-barang Eddi sudah dikemaskan ke kereta baru Adiana, dari tadi sudah sedia membuka tempat peneruhan barang sebelah belakang kereta, menolong mengemaskannya sekali. Selesai barang Eddi diturunkan, tidak ada perkataan Asyeam pada Eddi hanya diam saja bersama Nani.

Entahlah, mereka terlalu gembara atau dalam hati tidak terkatakan - Pergilah!

Walaupun Eddi beberapa kali memohon maaf banyak dan terima kasih yang setingginya, tetapi mereka sekeluarga didapati diam, lebih daripada membisu, seakan macam anjing tidur di bawah tangga! Beginilah gayanya ragam manusia.

Pintu kereta ditutup perlahan, kereta itu meluncurlah meninggalkan bangunan bawah flat itu. Membelok ke kiri, jalan terus, perjalanan dalam keadaan tenang. Dalam kenderaan ada juga sedikit sebanyak Eddi mencerita tentang nasibnya selaku perantau dalam negerinya sendiri, suka duka sebagai seorang penumpang yang menjadi warisan zaman.

Kereta itu hilang ditelan selikuh keabuan dan tanjang yang mematah, Eddi tetap juga pulang bukan bererti nuhun. Tapi kenang-kenanglah, bahawa Eddi pulang ke kampung adalah melarikan duka lara nasibnya yang terlarai.

PUISI

RINDU SEMALAM

Kelmarin dulu berkaca mutiara jatuh di pipi gebu titisan membasah cadar ranjang gelisah digamit rindu....

Tiada senyuman tiada wajah walaupun kabur memori pekat sepekat malam gelita gersang hati perit sekali esahkan di kamar sepi memecah kesunyian tak bisa mendengar suara di balik memori.

Semalam suaramu terdengar lagi seolah merasa seksa yang melanda senyuman mula terukir menyahut salam sudah lama dinanti....tapi katamu..... selama dua purnama kau akan pergi.

Terpaku terkulai senyuman kata hati membebu

lidah kelu merintih hati ini gembira nan hadir.....punah sepiant kilat yang menyambar hilang entah ke mana.

Ceria tak bermakna lagi harapan hadir membawa kunci tuk melepas rindu yang mencengkam nyatanya hadirmu kini bagai embun menitis di dedaun hilang tatkala mentari tersenyum belum sempat mengubat rindu semalam — malah kau bawa lagi beban rindu yang maha dalam..... dan maha hebat.

DOA (RINDU SEMALAM II)

Tuhan..... kuatkan iman hamba-Mu cekalkan hati hamba-Mu tuk menghadap dugaan kasih dugaan cinta yang murni walau tiada pengertian diri ini dengan kudrat-Mu tapi akan hamba-Mu terima segala perit dengan suci hati.....insya-Allah Amin.....

EPILOG (RINDU SEMALAM III)

Kasih yang mekar rindu yang dalam adalah rahsia cinta sejati

kan terus mekarkah kasih? makin dalamkah rindu? atau kan memudarkah cinta, di kala aku membuka mata di pagi hari-hari yang akan datang?.

Noniaz Kampong Manggis

SUARA HATIKU

Aku saban hari ke sini meluahkan segala suara hatiku dalam menatap keresahan menghempas gelombang sendu ke pantai jiwa luka.

Menapak aku ke pantai sepi mengasingkan diri dan cuba berlari mengejar masa-masa silam yang telah berlalu.

Di sini aku cuba menggamit ketenangan di lubuk hatiku tapi apakan daya aku tak terdaya meluahkan kerana segala kesepian ini akan menjadi hak milik buatku selamanya.

DI SINI AKU BERAZAM

Kedamaian kucari masih lagi tidak kutemui kerana perjalanan kehidupan ini terlalu panjang terlalu jauh terlalu sukar untuk dimengertikan.

Di mana kehidupan yang akan ditempuhi akan dilalui akan diharungi umpama mentari di siang hari bila senja akan pulanglah ia malam pun menjelma.

Di sini aku berazam terus mencari segala kedamaian serta kebahagiaan walau menyiksa jiwa segalanya hampa dan kecewa.

Alwi S.M. Brunei.

KEHANCURAN

Burung helang terbang di langit tinggi menyanyikan lagu rindu seribu madah di hati.

Begitu pun kutahu hidup begini anak-anak watan tangisnya bertaburan.

Oh, nasibnya! kita ini manusia kerdil hidup di lembah duka cinta berbunga tiada.

Kini, simpati sudah tiada lagi di mana-mana berantakan hidup dalam kehancuran.

Rahim M.S.



IKLAN-IKLAN

DI DALAM MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, KUALA BELAIT DAN TUTONG

No. KB/LA/20/1994

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Dayang Derosna binti Jumat kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh Johan bin Ali yang telah meninggal dunia di Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah balu kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Kuala Belait pada 5 Februari, 1996 pada jam 9.00 pagi.

Bertarikh 17 Januari, 1996

No. KB/LA/12/1995

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Hamidah binti Yaman kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh Zin Said bin Haji Mohd Zin yang telah meninggal dunia di Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah balu kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Kuala Belait pada 5 Februari, 1996 pada jam 9.00 pagi.

Bertarikh 17 Januari, 1996

No. KB/LA/23/1995

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Dayang Watini binti Haji Sumadi kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh Timbang bin Seruji yang telah meninggal dunia di Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah balu kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Kuala Belait pada 5 Februari, 1996 pada jam 9.00 pagi.

Bertarikh 17 Januari, 1996

No. KB/LA/29/1995

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Awang Mohd Seri Kesuma Jaya bin Abdullah kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh Jafriah binti Abdullah @ Jeramau Anak Gunung yang telah meninggal dunia di Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah suami kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Kuala Belait pada 17 Februari, 1996 pada jam 9.00 pagi.

Bertarikh 17 Januari, 1996

No. KB/LA/32/1995

